

Nik Aziz tak perlu berkecil hati desakan bubar DUN: Annuar

BH 15-NOV-2005

PASIR MAS: Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat tidak perlu berkecil hati dengan desakan Umno supaya membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk membolehkan rakyat memberi mandat baru.

Mursyidul Am Pas itu sendiri pernah mendesak Tun Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, tetapi pemimpin utama negara itu tidak pernah berkecil hati.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa, berkata Umno meminta Pas membubarkan DUN bukan untuk memberi laluan kepada Barisan Nasional (BN) memerintah, sebaliknya membiarkan rakyat yang menentukannya.

"Dia (Nik Aziz) tak perlu kecil hati kerana dulu dia juga menekan supaya Dr Mahathir meletak jawatan. Dr Mahathir tidak kecil hati pun. Kenapa pula bila kita suruh dia bubar dewan, dia kecil hati.

"Lagi pun, kita suruh bubar bukan nak beri kepada BN, kita suruh bubar untuk beri kepada rakyat (membuat keputusan). Kenapa Pas takut sangat nak beri kepada rakyat.

"Kalau kita kata Pas kena bubar kerana

nak beri kepada BN memerintah, bolehlah dia kecil hati.

"Kita kata kerana ada kesangsian, masalah kredibiliti dan tahap keyakinan rakyat yang boleh dipertikaikan, maka cara baik untuk menentukan supaya tidak ada keraguan sokongan rakyat, bolehlah Pas pertimbangkan untuk bubar DUN," katanya.

Annuar berkata terpulang kepada Pas sama ada membubarkan DUN atau sebaliknya kerana lambat laun rakyat berpeluang berbuat demikian.

"Kalau Pas nak bubar, bubarlah. Kalau tak nak bubar, tak apa. Banyak lagi cara lain untuk melihat dewan itu dibubarkan. Bukan dengan mendesak Pas membubarkannya secara sukarela. Ia juga boleh bubar kerana wakil rakyat Pas menyeberang (masuk Umno) atau meletakkan jawatan sukarela," katanya.

Mengenai sikap pemimpin Pas menghentam peribadi Umno ketika berceramah, beliau berkata, Umno tidak akan berbuat demikian, sebaliknya menggunakan pendekatan sederhana.

Katanya, parti itu tidak perlu membalas kerana dari dulu lagi Pas menggunakan lidah rasmi parti itu untuk provokasi Umno.